

12/11/1999

Perak masih bincang, kemas kini senarai

IPOH, Khamis - Barisan Nasional (BN) Perak akan mengemukakan senarai calon yang akan bertanding dalam pilihan raya umum akan datang kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tidak lama lagi.

Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata setakat ini senarai calon yang akan bertanding belum dikemukakan kepada Dr Mahathir malah masih ada perbincangan perlu diatur bagi mengemaskininya.

"Kita akan hantar (senarai). Ia mungkin sehari sebelum atau pada malam hari penamaan calon.

"Bagaimanapun, kita akan hantar dalam tempoh terdekat," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Umno negeri di kediamannya di sini, petang ini.

Ramli yang juga Pengerusi BN negeri berkata, setiap bahagian akan mengemukakan senarai calon masing-masing sebagai cadangan kepada pucuk pimpinan BN negeri.

Ditanya mengenai latar belakang calon atau kemungkinan adanya perubahan kepada kerusi atau senarai sedia ada, beliau berkata:

"Ini adalah perkara yang di bawah kuasa Perdana Menteri. Ia membabitkan urusan peruntukan dan kerusi. Ini peringkat pusat, jika satu diusik, sudah tentu semua (kerusi) akan diusik."

Ramli berkata, BN negeri yakin dapat mengekalkan majoriti kemenangan dua pertiga bagi kerusi Parlimen dan DUN malah mengatur strategi memastikan kejayaan dalam pilihanraya umum akan datang.

"Kita akan ambil kesempatan daripada hujah pihak pembangkang dalam isu tertentu seperti isu Perdana Menteri dari kalangan bukan Islam, kemungkinan rakyat mencetus huru-hara dan kebaikan Belanjawan negara," katanya.

Perak mempunyai 23 kerusi Parlimen dan 52 kerusi DUN.

Ramli berkata, pendirian Pas berhubung isu Perdana Menteri dari kalangan bukan Islam jelas membuktikan parti itu sudah mengeneipikan asas perjuangannya.

(END)